



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 21 JUN 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Badan pemantau jamin tiada pihak keciciran penyiasatan subsidi diesel

• Kerjasama rentas kementerian, libatkan media swasta diperlukan untuk sesi penerangan dan mempromosi bantuan diesel bersasar ini dengan naratif standard, ringkas dan mudah difahami

• Kaji benarkan pelaksanaan subsidi diesel bersasar jejakkan petani, penternak yang gunakan banyak peralatan dan jentera diesel untuk sektor mereka seperti traktor, mesin penual, pam pengairan serta mesin penyembur



Oleh Mohd Prasad Haniff
bhrepcana@bh.com.my

Ada pelbagai keterangan, alasan, pendapat dan kecaman berlagu dalam platform media sosial berhubung keputusan pelaksanaan subsidi diesel bersasar dilakukan serentak dengan bantuan bernas untuk sektor logistik serta pengagihan bantuan tunai menerusi Program Bantuan Subsidi MADANI (Budi MADANI).

Puncanya individu bukan berautoriti tetapi kemon mahu mengulas pelaksanaan subsidi bernas itu. Malangnya, teks dan video dalam naik adalah bahan menyimpang, nyok sendiri dan palsu.

Jumlahnya bukan satu atau berputih bahkan beratus. Tecnyata, tindakan itu akhirnya menentaskan kekeliruan dan kekeliruan hingga orang ramai tidak boleh membezakan fakta atau anda.

Justeru, selepas mengambil keputusan menguatkuasakannya mulai 10 Jun lalu, kerajaan perlu melakukan tindakan siasatan secara terancang dan berterusan.

Antaranya melancarkan siri penerangan komprehensif bagi memberi kefahaman orang ramai. Ini kerana masih ada kefahaman yang salah. Juga masih ada pemilik kenderaan diesel tidak tahu cara atau di mana hendak memohon dan jenis list-staf berkaitan mereka. Bahkan sesetengahnya tidak tahupun mereka layak mendapat bantuan tersebut.

Oleh itu, penerangan perlu disampaikan menerusi pelbagai cara dan platform komunikasi. Ini penting bagi meleraikan kekeliruan, mendedahkan kecamaran dan memadamkan amarah mereka.

Kerajaan boleh menemui wakil kelas, persatuan, dewan dan industri untuk menerangkan berkenaan perkara berkenaan. Mereka kemudian boleh menyebarkan maklumat sama kepada ahli atau peringkat akar umbi.

Kempen menggalakkan pemilik kenderaan diesel mendaftar untuk mendapatkan kemudahan disediakan juga perlu dilakukan. Antaranya, galakan memohon bantuan menerusi mekanisme Sistem Kawalan Diesel Subsidi 2.0 (SKDS 2.0) meliputi 25 jenis kenderaan diesel.

Beberapa kementerian boleh digerakkan bagi melakukan siri penerangan dan mempromosi bantuan diesel bersasar ini. Gunakan naratif standard, ringkas dan mudah difahami.

Antaranya, Kementerian Komunikasi bersama agensi berita dan penerangannya mesti ditubuhkan. Media massa swasta termasuk akhbar arus perdana, stesen televisyen dan radio perlu digembang untuk menyebarkan maklumat seraps.

Memetik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tidak teragak-agak mengemukakan tindakan tegas terhadap pemilik bos sekolah memilikn lambang, maka vikap serupa perlu diperluaskan kepada sektor lain. Untuk rekod, bos sekolah layak menerima SKDS 2.0 tetapi apa pula status bos periaran?

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pula perlu menggerakkan jentera peringkat negeri berserta peniaga kuantiti dan pasukan pemantau harga bagi mengesan pihak memanipulasi pelaksanaan subsidi diesel bersasar untuk meraih keuntungan. Keluasan penguatkuasaan membenarkan perutusan itu perlu dibuktikan bagi meyakinkan rakyat, malah ia juga perlu diwarwarkan dengan menggunakan media massa kerajaan mahupun swasta.

Dilaporkan, kenderaan diesel di negara ini berada di bawah 12 peratus, iaitu 700,000 unit berbanding 400,000 kenderaan komersial. Jika kita menelusuri maklumat dan perangkaan dalam media berkaitan, pembelian kenderaan diesel maka boleh diramalkan, maklumat subsidi bersasar itu dialirkan secara meluas dan bantuannya meliputi majoriti pemiliknya.

Kerajaan juga perlu menamatkan ketirisan sistem bekalan dan jualan diesel hingga mendorong bahan api itu menjadi pilihan sindiket untuk diseludup keluar. Ini menuntut kawalan sempadan dan risiko perlu diperberat bagi mengukang kegiatan perdagangan negara itu.

Maka, ketirisan sistem di semua lokasi jualan diesel perlu senak untuk ditambah baik. Ini kerana jumlah subsidi diesel sebelum ini mencecah RM15 bilion setahun dan ditanggarkan separuh, iaitu antara RM7 hingga RM8 bilion lepas ketirisan kerana aktiviti penyeludupannya ke negara jiran.

Card jawapan punca ketirisan diesel dan apakah tiada kesungguhan politik mengukangnya sebelum ini. Jika persoalan dan aset penguatkuasaan jadi alasan, ia perlu diberi perhatian Kabinet bermata menggariskan penyelesaian dalam Belanjawan 2025. Jika ketirisan bekal kelemahan sistem jualan atau

ata kelola, maka penelaman integriti sedang dilaksanakan Kerajaan MADANI mesti dibuktikan dalam hal ini.

Adakah perkhidmatan pemantau kenderaan diesel?

Sementara itu, benarkan pelaksanaan subsidi diesel bersasar ini meminggirkan hak petani, peladang, penawah, nelayan dan penternak? Insipin persoalan serius dan apakah kerajaan terlewat bertindak?

Memang diakui penggunaan diesel majoritinya dalam sektor pengangkutan. Namun, banyak peralatan dan jentera diesel digunakan dalam sektor pertanian, perladangan serta perikanan.

Antaranya traktor, mesin penual, pam pengaliran, penajaan kuantiti dan mesin penyembur digunakan dalam hampir semua operasi harian sektor itu.

Dalam sektor perladangan, penggunaan jentera diesel amat penting untuk menggerakkan hasil tawaran selain menjaga produktiviti dan keberkesanan operasi, termasuk aktiviti perikanan pula erjin bot pada berpantang kepada para stakakultur serta mesin pembuat ais semuzanya menggunakan diesel untuk beroperasi.

Penghapusan subsidi diesel dikekuatiri menyebabkan kos operasi petani, pekebun dan nelayan meningkat. Berdasarkan data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, kos bahan api meningkat hampir 30 peratus daripada kos keseluruhan operasi pertanian.

Dengan kenaikan harga diesel daripada RM2.15 seliter (harga subsidi) kepada RM3.35 seliter (harga pasaran), ia akan memberi impak besar kepada kos pengeluaran dan fakta ini perlu diberi perhatian.

Walaupun objektif kerajaan menghapuskan subsidi diesel untuk mengurangkan beban kewangan negara, membenarkan penyeludupan diesel dan meningkatkan kebekapan, kesannya mendorong kepada kenaikan harga barang serta kos hidup kerana kita mempunyai banyak ekonomi informal.

Justeru, kerajaan perlu menentukan bagaimana hasil penjimatan subsidi bersasar itu akan digunakan memperbaiki kehidupan dan membantu rakyat.

Wajar lidas khas ditubuhkan untuk menyamak semula penerangan bantuan subsidi diesel bersasar kepada sektor pertanian, perladangan dan perikanan.

Meminggirkan ketiga-tiganya memberi impak langsung kepada kenaikan harga raskunan dan barangan harian, seterusnya meningkatkan kos hidup rakyat bersama bebanan serupa sedia ada.

Sungguhpun kerajaan menyediakan subsidi dan bantuan tunai kepada kumpulan tertentu, pengguna yang akhirnya memikul beban kenaikan harga itu.

Bidun sama juga boleh melihat keseluruhan reformasi ini dengan memantau, menerangkan, menilai dan membandingkan penambahbaikan dari mana ke semua.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“ Kerajaan perlu menentukan bagaimana hasil penjimatan subsidi bersasar itu akan digunakan memperbaiki kehidupan dan membantu rakyat ”

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DAYU AHMED ZAINI KAMARUZAMAN
mazzaini@medialipinta.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
N. YUSLIANADAN
tiydy@bh.com.my



Ubah suai 4X4 seleweng minyak subsidi

KOTA KINABALU – Seludup 4,000 liter diesel guna pacuan empat roda yang telah diubah suai di sebuah stor tidak bernombor depan sebuah sekolah di Pasir Putih, Tawau akhirnya tumpas dalam satu serbuan kelmarin.

Operasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah itu turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 31 tahun dalam serbuan itu.

Pengarah KPDN Sabah, Georgie Abas berkata, pasukan penguat kuasa turut menemui dalam serbuan itu 18 unit tong drum yang boleh mengisi 200 liter diesel dalam setiap satunya.

"Barang kawalan sama turut ditemui di dalam sebuah tangki treler berkapasiti 20,000 liter (sebanyak 2,000 liter) yang disyaki diselewengkan.

"Seorang lelaki dipercayai

penjaga juga ditahan dan diambil keterangan untuk membantu siasatan sewaktu serbuan dilakukan.

"Berdasarkan keterangan awal, premis stor tidak mempunyai sebarang dokumen kebenaran dan lesen yang sah untuk menyimpan minyak diesel di lokasi terbabit," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Mengulas lanjut, Georgie menyatakan pihaknya menyita beberapa barangan yang terbabit dalam aktiviti haram ini termasuk satu unit kenderaan pacuan empat roda jenama Isuzu Single Cab dan tangki fiber yang diubah suai kapasiti 1,000 liter.

Jelasnya, kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan iaitu minyak diesel dengan tujuan lain.



SEBUAH kenderaan pacuan empat roda digunakan untuk menyeludup diesel di Tawau kelmarin.



HARGA rumah mampu milik akan kekal di bawah RM300,000 seunit sekalipun bertakungnya penyasaran subsidi diesel sehingga menyebabkan kenaikan harga bahan binaan. - GAMBAR HIASAN

KPKT kawal harga ekoran penyasaran subsidi diesel

Harga rumah mampu milik tidak terjejas

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

CYBERJAYA – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan harga rumah mampu milik di bawah kendalian mereka tidak terjejas susulan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini.

Timbalan Menteri, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, harga rumah mampu milik itu sebenarnya tertakluk kepada dasar ditetapkan kerajaan iaitu di bawah RM300,000 seunit.

Beliau berkata, buat masa ini, harga RM300,000 seunit itu akan kekal dan tidak terkesan walaupun berlaku kenaikan harga diesel baru-baru ini.

"Kita jaga (harga) sebab ia ada dasar dan harga telah ditetapkan. Malah, kita juga akan kawal secara terus.

"Antara projek perumahan mampu milik di bawah seliaan KPKT termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat (RMR), kediaman di bawah Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan Program Perumahan PRIMA," katanya ditemui pada Program Ibadah Korban Sentuhan Kasih P113 Sepang bersama KPKT dan Bomba 2024 di sini semalam.

Katanya, selain projek perumahan itu, pihaknya turut mengawal harga rumah mampu milik di bawah seliaan Majlis Pe-

rumahan Mampu Milik Negara (MPMMN).

Aiman berkata, pihaknya bagaimanapun tidak dapat mengawal harga rumah di pasaran terbuka kerana ia tertakluk kepada penawaran dan pembelian.

"Kalau ada kenaikan mereka perlu bawa isu berkenaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN). Kita hanya kawal harga rumah mampu milik sahaja," katanya.

Sebelum ini, Persatuan Perunding Hartanah Muslim Malaysia (Peham) menjangkakan harga bahan binaan meningkat 10 hingga 15 peratus susulan pelarasan subsidi diesel baru-baru ini.

RMM kekal harga jualan RM300,000 ke bawah

Cyberjaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan rumah mampu milik (RMM) tidak dinaikkan harga susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Timbalan Menterinya, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, RMM tertakluk kepada dasar dan dikawal KPKT yang dijual dengan harga RM300,000 ke bawah serta kekal pada harga ber-

keanaan.

Katanya, seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, barangan perumahan tidak terkesan dan ia masih dalam kawalan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus memantau.

"RMM di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara juga dikawal di bawah KPKT termasuk Projek Perumahan

Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat (RMR), kediaman di bawah Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan Program Perumahan PR1MA yang dijual di bawah RM300,000 selagi mana dasar itu tidak diubah," katanya pada Majlis Korban Sentuhan Kasih Parlimen Sepang dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan KPKT di Balai Cyberjaya di sini semalam.

Oleh Saferik Affendy Razali
 saferik@oh.com.my

PEMERDAGANGAN MANUSIA UNTUK EKSPLOITASI BURUH PAKSA

113 individu ditahan

Kuala Lumpur

Seramai 113 individu disyaki terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia eksploitasi buruh paksa ditahan dalam Operasi Pintas Mega di seluruh negara pada 13 Jun lalu.

Operasi oleh Bahagian D3 Arah Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (Aripom) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman bersama 14 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) itu turut menyelamatkan 73 mangsa pemerdagangan orang termasuk tiga orang kurang upaya (OKU).

Timbunan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Risiko/Operasi), Depoti Komisiner Fadil Mursas berkata, seramai 113 individu ditahan dan diselamatkan dalam 73 serbuan serentak secara bersejajar dengan agensi penguatkuasaan lain termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN), Malis Antipemerdagangan Orang (MAPO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan



Fadil Mursas

Antara 113 yang ditahan terdiri daripada warga tempatan, warga asing dari Thailand, India, Bangladesh, Indonesia dan China.

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPSN) Jabatan Imigresen Malaysia (JEM), Jabatan Tenaga Kerja (JKK) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).



ANTARA kes eksploitasi buruh paksa yang diselamatkan IG Bukit Aman dalam Ops Pintas Mega 13 Jun lalu.

"Fokus operasi ini adalah mengenai jangkitan mangsa pemerdagangan orang (eksploitasi buruh paksa) dalam kalangan golongan rentan (yang mudah dipengaruhi) dengan berpandukan National Guideline On Human Trafficking Indicators (NGHTI) s.o.

"Ada antara 113 yang ditahan terdiri daripada ahli studiket serta individu yang terdiri daripada warga tempatan, warga asing dari Thailand, India, Bang-

ladesh, Indonesia dan China.
 "Manakala mangsa yang diselamatkan adalah terdiri daripada 21 lelaki, 26 wanita dan 22 kanak-kanak warga tempatan, Filipina, Indonesia, Bangladesh,

Kemboja, Myanmar dan Thailand," katanya dalam sidang media di Bukit Aman, semalam.

Fadil berkata, JSJ sentiasa memandang serius ke atas aktiviti jenayah pemerdagangan orang dan tindakan tegas akan dilaksanakan terhadap mana-mana individu dan kumpulan yang melakukan jenayah ini.

Katanya, berdasarkan rekod JSJ, kebanyakan golongan rentan diperdaya menjadi buruh paksa, pengemis, pembantu rumah, kedai makan, kedai gunting rambut dan perkilangan.

Beliau berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 12 dan 14 Akta Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (AIPM) 2007 dan Seksyen 35B, Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1967.

"Polis juga amat menggalakan kerjasama daripada masyarakat sekiranya mempunyai maklumat tentang jenayah pemerdagangan orang.

"Sebarang maklumat boleh disalurkan ke mana-mana balai polis berdekatan di seluruh negara," katanya.

Supplement kecantikan guna logo halal tidak sah bernilai RM1.3 juta dirampas

ALOR SETAR - Sebuah premis rumah kedai yang disyaki mengeluarkan makanan tambahan berasaskan kecantikan diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memabitkan rampasan dianggarkan bernilai RM1,336,499.60.

Pengarah Pejabat KPDN Kedah, Muhammiad Nizam Jamaludin berkata, operasi bersepadu yang dilaksanakan bersama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) ke atas premis pengeluaran produk kecantikan di Pokok Sena itu dipercayai akibat penggunaan logo halal tidak sah bagi tujuan perdagangan ke atas produk jualannya berupa makanan tambahan kecantikan.

Menurutnya, serbuan dijalankan kira-kira jam 11 pagi Rabu memabitkan 14 anggota penguat kuasa KPDN Alor Setar dan tiga pegawai Bahagian Pengurusan Halal JHEAIK.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis tersebut disyaki bukanlah pemegang sijil halal yang diperakukan pihak berkuasa berwajib sama ada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau Majlis Agama Islam Negeri," katanya.



Operasi dilaksanakan bersama anggota penguat kuasa KPDN dan JHEAIK.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati premis terbabit menggunakan logo halal pada setiap label pek bungkusan di pelbagai jenis produk keluaran syarikat.

"Sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM500,000.

"KPDN memberi amaran kepada peniaga agar tidak menggunakan logo halal tanpa diperakui pihak berkuasa," katanya.

73 mangsa eksploitasi buruh paksa diselamatkan

Operasi Pintas Mega berkas 113 ahli sindiket pemerdagangan manusia dalam 33 serbuan serentak

Oleh Saifeti Affendi Razali
safeck@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 113 individu disyaki terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia eksploitasi buruh paksa ditahan dalam Operasi Pintas Mega di seluruh negara, pada 12 Jun lalu.

Operasi berkenaan dijalankan Bahagian D3 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman dengan kerjasama 34 Ibu Pejabat Kotlintan (IPE) polis di seluruh negara.

Taruhi serta adalah agensi penguatkuasaan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Jabatan Imigrasi Malaysia (JIM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Serbanas serentak

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Risikah Operasi) Bukit Aman, Deputy Komisioner Fadli Marsus, berkata hasil 33

serbuan serentak pihaknya menahan 113 ahli sindiket dan menyelamatkan 73 mangsa pemerdagangan manusia, termasuk tiga orang kelainan upaya (OKU).

"Fokus operasi ini adalah mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang (eksploitasi buruh paksa) dalam kalangan golongan rentan (yang mudah diperdaya) dengan berpandukan *National Guidelines On Human Trafficking Indicators* (NGHTI) 2.0.

"Ada di antara 113 ditahan terdiri daripada ahli sindiket serta individu yang terdiri daripada warga tempatan, warga asing dari Thailand, India, Bangladesh, Indonesia dan China.

"Masalah mangsa diselamatkan adalah terdiri daripada 25 lelaki, 36 wanita dan 22 kanak-kanak warga tempatan, Filipina, In-

donesia, Bangladesh, Kamboja, Myanmar dan Thailand," katanya dalam sidang media JSJ di Bukit Aman, semalam.

Fadli berkata, JSJ sentiasa memantau serius ke atas aktiviti jenayah pemerdagangan orang dan tindakan tegas akan dilaksanakan terhadap mana-mana individu dan kumpulan yang melakukan jenayah ini.

Katanya, berdasarkan rekod JSJ, kebanyakan golongan rentan diperdaya menjadi buruh paksa, pengemis, pembantu rumah, kedai makan, kedai gunting rambut dan perkilangan.

Beliau berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 12 dan 34 Akta Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATPSOM) 2007 dan Seksyen 56B, Seksyen 6(1)(C) Akta Imigrasi

Fokus operasi ini adalah mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang (eksploitasi buruh paksa) dalam kalangan golongan rentan (yang mudah diperdaya)

Fadli Marsus,
Timbalan Pengarah
Jabatan Siasatan
Jenayah
Bukit Aman



dan Peraturan-Peraturan Imigrasi 1963.

"Polis juga amat mengalu-alukan kerjasama daripada masyarakat sekiranya mempunyai maklumat mengenai jenayah pemerdagangan orang.

"Sebarang maklumat boleh di selamatkan ke mana-mana balai polis berikatan di seluruh negara," katanya.

Harga rumah mampu milik tidak berubah

CYBERJAYA - Harga rumah mampu milik kekal RM300,000 ke bawah meskipun penyasaran subsidi diesel dilaksanakan, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu.

Menurutnya, hal itu kerana pemantauan berkesan dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) supaya tiada pihak yang sewenang-wenangnya menaikkan harga atau kos khidmat pengurusan.

"Harga rumah setakat ini tiada kenaikan apa-apa. Rumah mampu milik (harga) masih kekal bawah RM300,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Ibadah Korban Sentuhan Kasih Parlimen Sepang bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2024 di sini pada Khamis.

Tambahnya, kerajaan juga memberi jaminan bahawa harga barangan bagi sektor pembinaan tidak akan terkesan berikutan ia dalam kawalan.

Turut hadir pada program ibadah korban itu, Ketua Setiausaha KPKT, Datuk M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad.

Sementara itu, Nor Hisham berkata, ibadah korban tahun ini yang membabitkan 33 lembu dan empat kambing merupakan ibadah terbesar dilaksanakan oleh jabatan tersebut.

"Penekanan utama (korban) adalah kesediaan pegawai dan anggota berkorban dalam ibadah dan kebersamaan dalam program yang perlu dihayati semangat itu," ujar beliau.

Tambahnya, 1,000 pek daging korban diagihkan termasuk 600 pek kepada golongan asnaf. - *Bernama*

NO PRICE HIKE

'Affordable homes still below RM300,000 after subsidy reforms'

CYBERJAYA: Affordable housing prices remain below RM300,000 despite the implementation of the targeted diesel subsidy, said Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Aiman Athirah Sabu yesterday.

She said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry had prevented arbitrary price hikes or increases in management service costs.

"There have been no increase in house prices. The price of affordable housing remains below RM300,000."

She said this after the Sentuhan Kasih Sepang *korban* programme with the Fire and Rescue Department in collaboration with her ministry here.

She also said the prices of goods

in the construction sector would not be affected.

Present were ministry secretary-general Datuk M. Noor Azman Taib and Fire and Rescue Department director-general Datuk Nor Hisham Mohammad.

Nor Hisham said that this year's *korban* programme involved 33 cows and four goats, making it the largest sacrificial event organised by the department.

Nor Hisham said 1,000 people took part in the programme, which included 250 department members and 50 ministry officers.

He added that 1,000 packs of meat would be distributed, of which 600 packs were for *asnaf* groups. **Bernama**

No hike in affordable housing cost

CYBERJAYA: Affordable housing prices remain below RM300,000 despite the implementation of targeted diesel subsidy.

Deputy Minister of Housing and Local Government Datuk Aiman Athirah Sabu clarified that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry maintains monitoring to prevent any arbitrary price hikes or increases in management service costs," she said after the *2024 Sentuhan Kasih Sepang* sacrificial ritual programme with the Fire and Rescue Department, in collaboration with the Housing and Local Government Ministry yesterday. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Limau bali disenarai dalam MyIPO untuk jaga identiti Perak

IPOH – Penyenaralan limau bali Tambun bagi kategori 'Geographical Identification' (GI) dalam Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO) bertujuan untuk memelihara identiti buah tersebut sebagai produk pelancongan negeri Perak.

Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman berkata, usaha itu digerakkan Jabatan Pertanian negeri bagi mempopularkan lagi produk ikon itu selain melindungi 87 pengusaha di Tambun dan memastikan pembeli tidak tertipu.

"Sekarang terdapat banyak pengusaha ladang limau bali di Perak sendiri selain di Johor, Kedah, Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

"Inisiatif ini memerlukan kerjasama pemilik ladang selain mungkin kita turut memperkenalkan pelekat dan hologram sebagai identiti limau bali

Tambun," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Katanya lagi, limau bali Tambun mengikut rekod jabatannya telah didaftarkan sejak 1984 lagi.

Jelasnya, pengeluaran limau bali Tambun secara puratanya dua kali setahun, namun ia bergantung pada musim dan cuaca dan penyelenggaraan tanaman.

"Keluasan tanah bagi limau bali ini di Tambun sekitar 56 hektar dengan pengeluaran 1,507 tan pada tahun lalu. Pendapatan hasil jualannya ialah RM12.2 juta dan saiz ekonomikal bagi tanaman ini ialah sekitar 0.8 hektar.

"Mengikut rekod kita pada Januari hingga April lalu, hasil bernilai RM5.5 juta berjaya diraih oleh pengusaha limau bali Tambun yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian negeri," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Cari jalan hentikan kenderaan asing beli RON95

Kuala Lumpur: Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) menggesa penyelesaian yang sesuai bagi menghentikan pemilik kenderaan pendaftaran asing daripada membeli petrol RON95.

Presidennya, Datuk Khairul Annuar Abdul Aziz, berkata sebagai persatuan kebangsaan yang mewakili semua pengusaha stesen minyak di Malaysia, larangan penjualan RON95 kepada pemandu kenderaan pendaftaran asing adalah satu cabaran khususnya dengan jumlah jualan yang kecil, tetapi penalti yang dikenakan tinggi mengikut undang-undang sedia ada.

"Undang-undang semasa di Malaysia tidak menghukum pemandu asing yang sengaja membeli minyak RON95 bersubsidi yang tidak diperuntukkan ke-

pada mereka dan ini mewujudkan situasi di mana pesalah laku terus membuat percubaan untuk mendapatkan bekalan minyak RON95 bersubsidi ini, secara tersembunyi dan pada waktu-waktu yang di lihat lebih sesuai.

"Ini menjadikan pemantauan dan pencegahan sukar untuk pekerja kami terutama apabila transaksi membabitkan pembelian minyak RON95 menggunakan kad debit atau kredit di pam," katanya dalam satu kenyataan.

Khairul Annuar berkata, adalah penting untuk menekankan bahawa dana yang digunakan

untuk subsidi RON95 datang daripada pembayar cukai Malaysia.



Khairul Annuar

Katanya, selain mengambil gambar dan menyebarkan ke dalam media sosial, pihaknya meminta orang awam untuk bekerjasama dengan segera dan memberitahu juruwang atau pekerja 'forecourt' apabila mereka melihat kejadian seperti ini berlaku.

"Juruwang kami boleh menghentikan pam dengan secepat mungkin melalui sistem dari dalam kedai, namun, pihak PDAM kerewa kerana tindakan yang boleh diambil adalah terhad, hanya mampu untuk menghentikan

penjualan kepada pemandu terbahit di stesen sahaja.

"Tiada laporan lanjut yang boleh di buat terhadap pemandu terbahit kerana tiada rang undang-undang yang boleh meng-hukum pemandu yang menyalahgunakan subsidi petrol RON95 ini.

"Kami juga tidak boleh terbahit dalam konflik bersama pesalah laku kerana ia boleh menyebabkan insiden yang tidak diinginkan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mera-yu kepada orang awam dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk bekerjasama mencari penyelesaian yang sesuai bagi menangani isu ini dan memastikan dana pembayar cukai digunakan dengan sewajarnya serta adil, untuk manfaat rakyat Malaysia yang layak menerima subsidi.



Lengang

SUASANA di sebuah stesen minyak lengang tanpa kehadiran kenderaan dari Thailand untuk mengisi diesel selepas kerajaan melaksanakan pelarasan subsidi bahan api itu di Wang Kelian, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

'Harga diesel kita bahagiakan negara jiran'

SEJAK 10 Jun lalu macam-macam maki hamun dihamburkan kepada Kerajaan Perpaduan ekoran penyasaran subsidi diesel.

Tanpa merenung sejenak apa dan kenapa kerajaan patut mengambil langkah berani itu, serangan demi serangan bertali arus oleh puak-puak yang bagai terkena histeria.

Tidak cukup dengan itu mereka yang seolah-olah sengaja tidak mahu memahami keperluan semasa untuk menyasarkan subsidi diesel terus memutarikan kembali klip-klip video lama ucapan beberapa pemimpin PH.

Pemimpin-pemimpin PH suatu ketika dahulu didakwa berjanji untuk menurunkan harga petrol, menghapuskan tol dan mahu meringankan kos sara hidup rakyat tetapi yang berlaku ketika ini terbalik.

Kerajaan dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim terus ditohmah sedang menghuru-harakan rakyat dan melakukan penipuan terbesar sebaik diberi mandat memimpin negara.

Namun hakikatnya, sejak penyasaran semula subsidi diesel paling signifikan dan tidak pernah dibayangkan apabila kumpulan penyeludup sendiri mengakui mereka kini lumpuh sebab 'kurang kerja' apabila harga diesel di stesen minyak kini dijual lebih RM3 seliter.

Tinjauan di stesen-stesen minyak di sekitar sempadan negeri turut 'sepi' kerana rakyat negara jiran tidak lagi 'seronok' untuk mengisi diesel tanpa diesel.

Begitu juga pendedahan Perdana Menteri bagaimana agensi pelancongan di Singapura mahu menaikkan harga perkhidmatan mereka apabila Malaysia melakukan penyasaran subsidi diesel.

Sepatutnya tindakan agensi pelancongan republik itu boleh membuka mata puak-puak yang sedang menghentam kerajaan kerana melakukan subsidi diesel bersasar yang terbukti bocor kepada rakyat asing.

Rakyat Singapura sudah kaya malah laporan terkini, republik itu dinobatkan sebagai negara teratas dunia yang ekonominya berdaya saing.

Maknanya selama ini aktiviti agensi pelancongan Singapura turut menikmati Keistimewaan diesel Malaysia dengan kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan besar untuk bahan bakar itu.

Jadi sudah berapa lama dan berapa banyak duit negara untuk subsidi diesel bocor kepada rakyat negara jiran?

Ini tidak mengambil kira berapa juta warga asing yang berada di Malaysia turut mengguna pakai semua jenis barang bersubsidi di negara ini. Rupanya orang asing tanpa mengira di mana keberadaannya mereka sudah lama bergembira dengan barang bersubsidi Malaysia.

Justeru, desas-desus kerajaan merancang untuk memperluas penyasaran atau menarik balik subsidi ke atas barang lain seperti petrol, minyak masak peket dan gula dilihat sangat perlu lebih-lebih lagi ketika daya saing ekonomi negara juga merosot sehingga tujuh anak tangga.

Duit daripada penjimatan membayar subsidi 'bocor' sana sini seelok-eloknya boleh dialihkan untuk hal-hal lain sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Oleh itu, puak-puak yang masih 'meroyan' dengan langkah penjimatan diusahakan kerajaan cuba-cubalah bertenang kerana objektifnya bukan untuk menganiaya rakyat sebaliknya menyelamatkan duit rakyat.

Teon Eg adalah Pengarang Berita Utusan Malaysia



MOHAMAD Fadlee Hassan (kiri) meninjau bekalan sayur-sayuran di Pasar Tani Kekal di Chendering, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR

Hanya enam daripada 33 jenis sayur naik harga

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamalaya.com.my

KUALA TERENGGANU: Sebanyak enam daripada 33 jenis sayur-sayuran mencatatkan peningkatan harga di peringkat pemborong di negeri ini selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan mulai Isnin lalu.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Mohamad Fadlee Hassan berkata, harga enam jenis sayur-sayuran itu naik antara RM1 hingga RM3 sekilogram.

Katanya, enam jenis sayur tersebut ialah cili Kulai merah, cili hijau, daun bayam, daun sup, sawi hijau dan terung panjang.

Katanya, harga jenis sayur-sayuran lain pula masih kekal pada minggu ini.

"Harga cili Kulai merah naik daripada RM14 sekilogram kepada RM16 sekilogram, sawi hijau (RM3

sekilogram kepada RM5 sekilogram), cili hijau (RM9 sekilogram kepada RM10 sekilogram) dan daun bawang (RM12 sekilogram kepada RM14 sekilogram).

"Harga sayur-sayuran lain yang berlaku kenaikan di peringkat pemborong ialah daun sup (RM20 sekilogram kepada RM22 sekilogram), sawi hijau (RM5 sekilogram kepada RM7 sekilogram) dan terung panjang pula (RM5 sekilogram kepada RM7 sekilogram)," katanya selepas membuat tinjauan harga sayur-sayuran di Pasar Tani Kekal di Chendering, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohamad Fadlee berkata, kenaikan harga sayur-sayuran itu tidak melibatkan penyasaran subsidi diesel semata-mata, sebaliknya permintaan yang tinggi di pasaran.

"Pengeluaran beberapa jenis sayur-sayuran itu didapati berkurangan berbanding pe-

mintaan yang tinggi di pasaran menyebabkan berlaku kenaikan harga di pasaran," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, harga sayur-sayuran di peringkat runcit juga tidak menunjukkan kenaikan harga sehingga membebankan pengguna.

"Setakat ini, hanya satu daripada jenis sayur sahaja menunjukkan kenaikan harga di peringkat runcit iaitu cili merah minyak daripada RM12 sekilogram kepada RM14 sekilogram," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga sayur, Muhammad Saufi Abdul Sallam Zamri pula berkata, kebanyakan pemborong tidak menaikkan harga sayur-sayuran.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu memastikan pemborong tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sayur-sayuran berikutan penyasaran diesel tersebut.



PENYELUDUP menyembunyikan bungkus plastik berisi diesel yang mahu diseludup ke Thailand berjaya dikesan di Kompleks ICQS Padang Besar, baru-baru ini.

Taktik baharu seludup minyak melalui Padang Besar

Diesel 'ikat mati' bawa ke Thailand

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

PADANG BESAR - Penyeludup dijangka menjadi lebih licik mengatur strategi sehingga sanggup mengikat minyak petrol bersubsidi dalam plastik lutsinar ke Thailand menerusi Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar.

Pengarah Kastam negeri, Ismail Hashim berkata, pihaknya percaya penyeludupan petrol akan meningkat menggunakan bermacam taktik susulan penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan pada 10 Jun lalu.

"Harga petrol di negara kita

dengan Thailand jauh berbeza yang mana RON97 yang setara dengan RON95 di Thailand perbezaannya adalah kira-kira RM2.43 seliter, manakala perbezaan RON95 yang setara dengan RON91 Thailand pula adalah sekitar RM2.56," katanya pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Padang Besar, di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya juga percaya penyeludupan diesel akan tetap berlaku berikutan harga diesel negara masih rendah berbanding Thailand dengan perbezaan harga kira-kira 85 sen seliter, ketika ini.

"Ini kerana permintaan diesel

di Thailand sangat tinggi kerana negara itu menitikberatkan pertanian yang memerlukan diesel berikutan penggunaan jentera berat dan kenderaan pacuan empat roda," ujarnya.

Sehubungan itu, ujarnya, pihaknya akan terus memperhebatkan operasi dan pemeriksaan bagi mengesan apa juga modus operandi dilakukan penyeludup, seterusnya mematahkan cubaan penyeludupan bahan api ke negara jiran.

Kata beliau, penyeludupan minyak bukan sahaja didalangi sindiket, tetapi individu secara kecil-kecilan yang menyeludup dengan cara berbeza.

SELEWENG DIESEL: KENDERAAN DITAHAN KETIKA MAHU BALIK

Tangki **rahsia** bawah teksi!

Oleh Aizat Sharif
aiz@metro.com.my

Padang Besar

Sindiket penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi di negeri ini sanggup mengesakan nyawa berdepan risiko kebakaran atau letupan kenderaan apabila mengubahsial bahagian bawah tempat duduk kereta bagi menyeludup bahan api itu.

Terbaru sebuah teksi didaftarkan di Thailand di kesan memiliki tangki tambahan 'rahsia' bagi menyeludup bahan api berkenaan ke negara jiran.

Taktik berkenaan terbongkar apabila jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Perlis menahan seorang lelaki warga Thailand berusia 53 tahun yang memandu teksi Mercedes Benz pada 5 Jun lalu. Pengarah Kastam Negeri



ISMAL memegang tangki minyak yang dibebeh suis dalam sebuah teksi berpendaftaran Thailand yang digunakan untuk menyeludup petrol dan diesel dari negara jir di Padang Besar.

Perlis, Ismail Hashim berkata, kejadian berlaku apabila kereta berkenaan menuju ke Thailand sebelum dirahan di Laham Ekport, Kompleks Imigrasi, Kas-

tam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQ) Padang Besar.

"Apabila but kereta diperiksa, kami menemui tu- tu tangki tambahan yang

dirahsiai di bahagian bawah tempat duduk penumpang belakang. Ia dijadikan sebagai tangki tambahan untuk mengangkut bahan api dari negara ini.



DIESEL yang dirampas daripada Operasi Kelas Bersepadu Diesel Bersubsidi yang dilakukan di Padang Besar.

"Kami menemui dan menampas 80 liter petrol bersubsidi dengan nilai sekitar RM164 yang disembunyikan dalam tangki tambahan ubahsiai itu.

"Teksi itu kemudian disita," katanya di Stor Pengangkutan JKDM Pa-

dang Besar di sini, semalam.

Katanya, kes berkenaan adalah satu daripada 12 kes cubaan menyeludup petrol dan diesel bersubsidi berjaya dipatahkan pihaknya sepanjang tempoh antara 27 Mei hingga 30 Jun lalu.

Lori sampah mahu subsidi

Nibong Tebal: Persatuan Pemilik-pemilik Lori Sampah Pulau Pinang meminta kerajaan mempertimbangkan untuk memasukkan lori sampah jenis *Rigid-Roll on Roll Off* (RORO) dalam sistem MySubsidi Diesel bagi membolehkan mereka mendapatkan subsidi diesel.

Pengerusinya Arif Ibrahim berkata, ketiadaan jenis lori itu dalam senarai sistem menyebabkan beberapa syarikat terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi berikutan lori mereka tidak layak menerima bantuan berkenaan.

"Isu sekarang adalah ada pemilik lori yang daftar di

bawah kategori Rigid lori sampah automatik akan dapat kelulusan subsidi (diesel) tetapi bagi lori kategori sama (Rigid) tetapi jenis RORO tak dapat sebab jenis itu tiada dalam senarai sistem MySubsidi Diesel.

"Kecelaruan ini menyebabkan ada syarikat yang satu lori dapat (subsidi diesel), dua lagi tak dapat... jadi bagaimana kami nak kekalkan harga operasi sedangkan kami perlu menanggung beban kos bukan saja bahan api tetapi lain-lain kos seperti alat ganti.

"Kami perlu pastikan lori sentiasa dalam keadaan

baik demi keselamatan selain gaji pekerja," katanya ketika ditemui selepas mengadakan perhimpunan bersama lebih 57 pemilik syarikat lori sampah sekitar Seberang Perai di sini, semalam.

Beliau berkata ketika ini, persatuan itu mempunyai 97 ahli dalam kalangan pemilik syarikat di seluruh Pulau Pinang dengan jumlah lori lebih daripada 100 buah.

Menurut Ariff, susulan itu kesemua ahli dalam persatuan sepakat untuk menaikkan harga bagi perkhidmatan mengangkut dan membuang sampah ke tapak pelupusan.

Lengang



STESEN minyak di Rantau Panjang. Tumpat kelihatan lengang tanpa kehadiran kenderaan dari negara jiran susulan harga diesel di semua stesen minyak di Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula 10 Jun lepas ketika tinjauan, semalam. Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menguatkuasakan harga baharu diesel di stesen minyak Semenanjung Malaysia ternyata memberi impak besar kepada sindiket penyeludupan bahan api apabila kegiatan haram itu kini dilihat semakin berkurangan. Dalam masa sama KPDN Kelantan akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di stesen minyak di kawasan sempadan Malaysia-Thailand bagi tujuan pemantauan dan mencegah kegiatan pembelian minyak secara berulang yang dibimbangi untuk tujuan penyeludupan.

Kemelut diesel dan harga telur



DESAS
DESUS

ELVIZA MICHELE KAMAL

Perdana Menteri salah lagi. Dalam nada defensif baru-baru ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 18 Jun telah dipetik berucap secara verbal: "Semua bus pelancong dan syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga kerana katanya tidak dapat subsidi diesel, maknanya selama ini berpuh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura, pergi ke kapal-kapal nelayan Siam. Bocor banyak."

Pasukan ahli fikir Pejabat Perdana Menteri semestinya bersandar kepada laporan media Singapura, CNA terbitan 15 Jun - *Malaysia diesel price hike squeezes Singapore tour operators* - untuk jadi asas kenyataan di atas.

Namun, teori Anwar bahawa industri pelancongan Singapura menaikkan harga susulan penarikan subsidi pukat diesel tidak tepat, malah meleset. Laporan CNA itu hanya mewawancara dua syarikat

Singapura yang beroperasi membawa pelancong dari Singapura masuk ke Malaysia.

Susulan pengapungan harga diesel mengikut pasaran dalam negara, kedua-dua syarikat tersebut mengakui kos operasi bakal naik kerana mereka menggunakan khidmat syarikat pengangkutan Malaysia - bukan syarikat Singapura.

Selanjutnya, operator pelancongan Singapura itu berkata, kenaikan tidak dapat dielak kerana syarikat pengangkutan Malaysia sudah memaklumkan kenaikan harga tambang dan perkhidmatan apabila subsidi diesel ditarik balik.

Jadi, bukan sebab diesel murah selama ini liris ke Singapura tetapi kerana dua syarikat pelancongan dalam laporan CNA itu mengguna pakai perkhidmatan syarikat pengangkutan Malaysia - itu konteks sebenar seluruh laporan.

Lagipun Perdana Menteri tahu, isu penyeludupan diesel ketika harga disubsidi jarang berlaku di sempadan Johor-Singapura, hanya berleluasa di sempadan Kelantan-Thailand dan Perlis-Thailand.

Perkara lebih menarik perhatian rakyat, bukan alasan kenapa subsidi diesel dironbak, sebaliknya kenapa media massa mula menyebarkan berita penyeludupan petrol RON95 kebelakangan ini. Jika

alasan penyeludupan digunakan untuk menarik balik subsidi diesel, apakah perkara sama akan berlaku kepada petrol RON95 menjelang suku terakhir tahun ini?

Belum reda isu diesel, Perdana Menteri minggu ini juga mengambil inisiatif mengumumkan penurunan harga telur, walau lazimnya ia hanya dilakukan di peringkat Kementerian atau agensi. Mula 17 Jun, harga runcit telur grad A, B dan C turun 3 sen sebijl - inisiatif subsidi terbaharu Kerajaan Madani.

Bukan tidak bagus tetapi jika dibandingkan dengan kenaikan mendadak 55 peratus diesel, penjimatan 3 sen setiap biji telur itu ibarat bidal orang Melayu 'jauh panggang daripada api'. Lebih penting daripada penjimatan 3 sen sebijl telur adalah bekalan mencukupi dalam sektor dipanggil keterjaminan makanan rakyat.

Telur makanan golongan berpendapatan rendah - itu alasan Anwar apabila mengules subsidi bahan itu tetapi yang perlu didalami - perbezaan antara penjimatan RM4 bilion apabila subsidi diesel ditarik balik dengan jumlah RM100 juta setahun untuk subsidi telur.

Kerajaan tentu ari kesan subsidi baharu yang boleh membawa kepada penyelewengan pasaran (*market distortion*). Sebarang bentuk subsidi - sebagaimana

pemah Malaysia lalu beberapa kali - akan menyebabkan penyelewengan harga pasaran secara artifisial, mendorong ketidakcekapan, menghalang persaingan dan inovasi, malah satu bentuk perbelanjaan sumber tidak cekap untuk kelestarian fiskal mana-mana negara.

Apa yang Anwar dan pasukan perku adalah merancang sesuatu lebih komprehensif dan memberi kesan langsung kepada rakyat dengan jumlah RM4 bilion yang dapat dijimatkan melalui penarikan subsidi diesel.

Hujah ekonomi konvensional juga menolok pengenaan sebarang bentuk subsidi ke dalam ekonomi rakyat kerana akan menyebabkan harga dan kos pengeluaran tidak sejaras. Apabila itu berlaku, ia akan mendorong penyelewengan pasaran, merendahkan produktiviti dan menguntungkan ahli perniagaan - dalam kes ini pengeluar telur - apabila mereka diberi subsidi.

Mungkin ada benarnya kata Kofi Annan: *We often hear a lot about subsidies, because it's often the powerful talking about the poor. The poor don't have enough voice to question the privileges.*

** Elviza pernah menulis untuk dua perdana menteri, sekarang tinggal di Shah Alam bersama anakanda Laqman.*

Petrol, diesel prices unchanged

KUALA LUMPUR: The retail prices for RON97 and RON95 petrol, as well as diesel will remain unchanged at RM3.47, RM2.05 and RM3.35 per litre, respectively, for the June 20 to June 26 period.

The Finance Ministry, in a statement, said the retail price of diesel in Sabah, Sarawak and Labuan will also remain unchanged at RM2.15 per litre.

The ministry said the government will continue to monitor the trends of global crude oil prices and take appropriate measures to ensure the welfare and well-being of the people continue to be protected. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 JUN 2024

| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
|--------|--|---|-------------------|
| 21-Jun | Penyasaran subsidi diesel: Harga rumah mampu milik kekal | https://www.sinarharian.com.my/article/670865/berita/nasional/penyasaran-subsidi-diesel-harga-rumah-mampu-milik-kekal | SINAR HARIAN |
| 21-Jun | KPKT kawal harga rumah mampu milik | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1260862/kpkt-kawal-harga-rumah-mampu-milik | BERITA HARIAN |
| 21-Jun | Affordable housing prices maintained despite implementation of targeted diesel subsidy — deputy minister | https://theedgemalaysia.com/node/716081 | THE EDGE MALAYSIA |
| 21-Jun | Affordable housing prices maintained despite implementation of targeted diesel subsidy — deputy minister | https://www.nst.com.my/property/2024/06/1065940/affordable-housing-prices-maintained-despite-implementation-targeted-diesel | NEW STRAITS TIMES |
| 21-Jun | Affordable housing prices maintained despite targeted diesel subsidy - Aiman Athirah | https://thesun.my/local-news/affordable-housing-prices-maintained-despite-targeted-diesel-subsidy-aiman-athirah-KP12597085 | THE SUN |
| 21-Jun | Penyasaran subsidi diesel: Harga rumah mampu milik kekal RM300,000 ke bawah | https://selangorkini.my/2024/06/penyasaran-subsidi-diesel-harga-rumah-mampu-milik-kekal-rm300000-ke-bawah/ | SELANGOR KINI |
| 21-Jun | PENYASARAN SUBSIDI DIESEL: HARGA RUMAH MAMPU MILIK KEKAL | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2309433 | BERNAMA |
| 21-Jun | KPKT kawal harga rumah mampu milik | https://www.buletintv3.my/nasional/kpkt-kawal-harga-rumah-mampu-milik/ | BULETIN TV3 |
| 21-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel di Tawau | https://www.malaysiakini.com/news/709233 | MALAYSIA KINI |
| 21-Jun | Diesel masih diseleweng di Sabah | https://www.kosmo.com.my/2024/06/20/diesel-masih-diseleweng-di-sabah/ | KOSMO |

| | | | |
|--------|---|---|------------------|
| 21-Jun | RM104,500 diesel seized in Tawau | https://www.dailyexpress.com.my/news/236367/rm104-500-diesel-seized-in-tawau/ | DAILY EXPRESS |
| 21-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel bersubsidi | https://www.sabahgazette.com/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi/ | SABAH GAZETTE |
| 21-Jun | KPDN Sabah tumpaskan kegiatan seleweng barang kawalan | https://beritasabah.com/kpdn-sabah-tumpaskan-kegiatan-seleweng-barang-kawalan/ | BERITA SABAH |
| 21-Jun | RM104,500 diesel seized in Tawau | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jual-ron95-kepada-kenderaan-asing-pengusaha-stesen-minyak-dikenakan-tindakan-475477 | ASTRO AWANI |
| 21-Jun | Temporary egg subsidies welcome, but broader food security issues must be addressed — Consumers Association of Penang | https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2024/06/20/temporary-egg-subsidies-welcome-but-broader-food-security-issues-must-be-addressed-consumers-association-of-penang/140574 | MALAY MAIL |
| 21-Jun | Reminder to comply with eggs price cut | https://www.dailyexpress.com.my/news/236370/reminder-to-comply-with-eggs-price-cut/ | DAILY EXPRESS |
| 21-Jun | Peniaga diingatkan patuhi arahan berkaitan penurunan harga runcit telur ayam – KPDN Sandakan | https://beritasabah.com/peniaga-diingatkan-patuhi-arahan-berkaitan-penurunan-harga-runcit-telur-ayam-kpdn-sandakan/ | BERITA SABAH |
| 21-Jun | 180,000 kenderaan barangan belum mohon 'Fleet Card' diesel bersubsidi | https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2024/06/1261063/180000-kenderaan-barangan-belum-mohon-fleet-card-diesel-bersubsidi | BERITA HARIAN |
| 21-Jun | 180,000 kenderaan barangan masih belum daftar SKDS 2.0 | https://malaysiaga-zette.com/2024/06/20/180000-kenderaan-barangan-masih-belum-daftar-skds-2-0/ | MALAYSIA GAZETTE |

| | | | |
|--------|--|---|---------------|
| 21-Jun | 180,000 commercial vehicles yet to register under SKDS 2.0 - KPDN | https://thesun.my/local-news/180000-commercial-vehicles-yet-to-register-under-skds-20-kpdn-PP12599723 | THE SUN |
| 21-Jun | 180,000 PEMILIK KENDERAAN BARANGAN BELUM DAFTAR SKDS 2.0 | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2309635 | BERNAMA |
| 21-Jun | 180,000 kenderaan barangan belum mohon 'Fleet Card' diesel bersubsidi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/180-000-kenderaan-barangan-belum-mohon-fleet-card-diesel-bersubsidi | BERITA RTM |
| 21-Jun | 180,000 pemilik kenderaan barangan belum daftar SKDS 2.0 | https://www.sinarharian.com.my/article/670969/berita/nasional/180000-pemilik-kenderaan-barangan-belum-daftar-skds-20 | SINAR HARIAN |
| 21-Jun | Lebih 180,000 kenderaan barangan belum daftar Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi | https://selangorkini.my/2024/06/lebih-180000-kenderaan-barangan-belum-daftar-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi/ | SELANGOR KINI |
| 21-Jun | Lebih 180,000 pemilik kenderaan barangan belum daftar SKDS 2.0 | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1102604/lebih-180000-pemilik-kenderaan-barangan-belum-daftar-skds-20 | HARIAN METRO |
| 21-Jun | 180,000 kenderaan barangan belum mohon 'Fleet Card' diesel bersubsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/180000-kenderaan-barangan-belum-mohon-fleet-card-diesel-bersubsidi/ | BULETIN TV3 |
| 21-Jun | Laundry business busted by ministry for using LPG without permit in Johor | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/20/laundry-business-busted-by-ministry-for-using-lpg-without-permit-in-johor | THE STAR |
| 21-Jun | Tiada permit, 28 tong gas LPG dirampas | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiada-permit-28-tong-gas-lpg-dirampas | BERITA RTM |
| 21-Jun | KPDN serbu premis jual LPG tanpa lesen, lebih harga pasaran | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-premis-jual-lpg-tanpa-lesen-lebih-harga-pasaran-475594 | ASTRO AWANI |

| | | | |
|--------|--|---|------------------------|
| 21-Jun | Kedai runcit jual tong LPG lebih harga pasaran diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/670915/berita/semasa/kedai-runcit-jual-tong-lpg-lebihi-harga-pasaran-diserbu | SINAR HARIAN |
| 21-Jun | KPDN SERBU PREMIS JUAL LPG TANPA LESEN, LEBIH HARGA PASARAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2309548 | BERNAMA |
| 21-Jun | KPDN Sandakan tahan lori diubahsuai, cuba seleweng minyak diesel | https://sabahmedia.com/2024/06/20/kpdn-sandakan-tahan-lori-diubahsuai-cuba-seleweng-minyak-diesel/ | SABAH MEDIA |
| 21-Jun | KPDN rampas 1,000 liter diesel diseleweng di Sandakan | https://www.dailyexpress.com.my/news/236428/kpdn-rampas-1-000-liter-diesel-diseleweng-di-sandakan/ | DAILY EXPRESS |
| 21-Jun | KPDN patahkan cubaan lelaki seludup petrol ke Thailand | https://www.kosmo.com.my/2024/06/20/kpdn-patahkan-cubaan-lelaki-seludup-petrol-ke-thailand/#google_vignette | KOSMO |
| 21-Jun | Ubah suai tangki kereta seludup petrol ke Thailand | https://mgperak.com/ubah-suai-tangki-kereta-seludup-petrol-ke-thailand/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 21-Jun | Kilang produk kecantikan diserbu, guna logo halal palsu | https://www.buletintv3.my/jenayah/kilang-produk-kecantikan-diserbu-guna-logo-halal-palsu/ | BULETIN TV3 |
| 21-Jun | Kilang proses produk kecantikan diserbu, guna logo halal palsu | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1261053/kilang-proses-produk-kecantikan-diserbu-guna-logo-halal-palsu | BERITA HARIAN |
| 21-Jun | Kilang suplemen kecantikan diserbu guna logo halal tak sah | https://www.kosmo.com.my/2024/06/20/kilang-suplemen-kecantikan-diserbu-guna-logo-halal-tak-sah/ | KOSMO |
| 21-Jun | Kilang proses produk kecantikan diserbu kerana guna logo halal palsu | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1102532/kilang-proses-produk-kecantikan-diserbu-kerana-guna-logo-halal-palsu | HARIAN METRO |

| | | | |
|--------|---|---|------------------|
| 21-Jun | Produk suplemen kecantikan guna logo halal palsu dirampas | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/produk-suplemen-kecantikan-guna-logo-halal-palsu-dirampas | BERITA RTM |
| 21-Jun | Kilang proses produk kecantikan diserbu kerana guna logo halal palsu | https://www.malay.news/kilang-proses-produk-kecantikan-diserbu-kerana-guna-logo-halal-palsu/ | MALAY NEWS |
| 21-Jun | Lebih RM1.3 juta produk kecantikan dirampas disyaki guna logo halal tidak sah | https://www.sinarharian.com.my/article/670941/berita/semasa/lebih-rm13-juta-produk-kecantikan-dirampas-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah | SINAR HARIAN |
| 21-Jun | KPDN serbu kilang suplemen kecantikan guna logo halal tidak sah | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kpdn-serbu-kilang-suplemen-kecantikan-guna-logo-halal-tidak-sah/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 21-Jun | 113 individu eksploitasi buruh paksa diberkas | https://www.buletintv3.my/jenayah/113-individu-eksploitasi-buruh-paksa-diberkas/ | BULETIN TV3 |
| 21-Jun | 113 individu terbabit eksploitasi buruh paksa ditahan | https://www.sinarharian.com.my/article/670909/berita/semasa/113-individu-terbabit-eksploitasi-buruh-paksa-ditahan | SINAR HARIAN |
| 21-Jun | 73 mangsa diselamatkan, 113 ahli sindiket pemerdagangan manusia ditahan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/73-mangsa-diselamatkan-113-ahli-sindiket-pemerdagangan-manusia-ditahan-475580 | ASTRO AWANI |
| 21-Jun | Seramai 113 individu terlibat jenayah eksploitasi buruh paksa diberkas – Bukit Aman | https://malaysiagazette.com/2024/06/20/seramai-113-individu-terlibat-jenayah-eksploitasi-buruh-paksa-diberkas-bukit-aman/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 21-Jun | Subsidi diesel beri impak besar kepada aktiviti penyeludupan bahan api | https://www.sinarharian.com.my/article/670968/berita/nasional/subsidi-diesel-beri-impak-besar-kepada-aktiviti-penyeludupan-bahan-api | SINAR HARIAN |

| | | | |
|--------|---|---|-----------------|
| 21-Jun | SUBSIDI DIESEL BERSASAR BERJAYA BERI IMPAK BESAR KEPADA SINDIKET PENYELUDUPAN BAHAN API | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2309622 | BERNAMA |
| 21-Jun | Penyasaran subsidi diesel: Harga rumah mampu milik kekal | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyasaran-subsidi-diesel-harga-rumah-mampu-milik-kekal-475534 | ASTRO AWANI |
| 21-Jun | Pelarasan diesel: Harga rumah mampu milik seliaan KPKT tidak terjejas | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2024/06/pelarasan-diesel-harga-rumah-mampu-milik-seliaan-kpkt-tidak-terjejas/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 21-Jun | 'Patuhi arahan turunkan harga telur ayam' | https://www.dailyexpress.com.my/news/236418/patuhi-arahan-turunkan-harga-telur-ayam/ | DAILY EXPRESS |